

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)10**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

10. Senaraikan destinasi penerbangan domestik dan antarabangsa baru yang dilancarkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sejak bulan Ogos 2023 sehingga sekarang.
- (a) Apakah potensi tambahan penerbangan pada masa depan?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Buat masa ini, destinasi penerbangan domestik ke Pulau Pinang ialah dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Subang, Johor Bahru, Kota Bahru, Langkawi, Kuching dan Kota Kinabalu.

Sejak Ogos 2023 sehingga sekarang, terdapat 3 penerbangan domestik baru yang dilancarkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Senarai Penerbangan Domestik Baharu ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (2023-2025) adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Bulan / Tahun</b>	<b>Sektor</b>	<b>Syarikat Penerbangan</b>
1	Mac 2024	Kota Kinabalu	AlrAsia
2	Mac 2024	Kuching	AirAsia
3	Jun 2024	KLIA	Firefly

Sejak Ogos 2023 sehingga sekarang, terdapat 14 penerbangan antarabangsa baru yang dilancarkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Senarai Penerbangan Antarabangsa Baharu ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (2023-2025) adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Bulan / Tahun</b>	<b>Sektor</b>	<b>Syarikat Penerbangan</b>
1	September 2023	Xiamen (XMN)	Xiamen Airlines

<b>Bil.</b>	<b>Bulan / Tahun</b>	<b>Sektor</b>	<b>Syarikat Penerbangan</b>
2	Oktober 2023	Doha (DOH)	Qatar Airways
3	November 2023	Don Mueang (DMK)	Firefly
4	Februari 2024	Dubai (DXB)	FlyDubai
5	April 2024	Don Mueang (DMK)	Thai Lion Air
6	Mei 2024	Shanghai (PVG)	Juneyao Airlines
7	Julai 2024	Shenzhen (SZX)	Shenzhen Airlines
8	Ogos 2024	Shanghai (PVG)	Shanghai Airlines
9	Oktober 2024	Jakarta (CGK)	Batik Air
10		Shenzhen (SZX)	AirAsia
11	November 2024	Hong Kong (HKG)	Hong Kong Express
12	Disember 2024	Chennai (MAA)	Indigo Airlines
13	April 2025	Yangon (RGN)	Myanmar Airlines
14		Chengdu (TFU)	Sichuan Airlines

Angka ini tidak termasuk beberapa penerbangan sewaan (*chartered flight*) yang melancarkan penerbangan dari Bandaraya Antarabangsa ke Pulau Pinang.

- (a) Cambodia Airways telah mengumumkan bahawa penerbangan sulung dari Phnom Penh ke Pulau Pinang pada 26-6-2025. Jadual penerbangan ialah dua kali seminggu pada hari Khamis dan Ahad.

Sektor penerbangan di Pulau Pinang berpotensi untuk terus berkembang pada masa depan dengan pengenalan laluan baharu penerbangan terus ke Pulau Pinang. Antara faktor yang menyumbang kepada potensi ini adalah:

- (i) Kepelbagaian pusat pelancongan di Pulau Pinang yang terkenal dengan warisan budaya, makanan dan keindahan alamnya. Peningkatan promosi dan penawaran acara pelancongan boleh menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa, seterusnya meningkatkan permintaan penerbangan ke dan dari pulau tersebut;

- (ii) Pembukaan laluan penerbangan baharu ke destinasi yang belum diterokai sejajar dengan perkembangan industri penerbangan dan kerjasama dengan syarikat penerbangan boleh meningkatkan kapasiti dan frekuensi penerbangan; dan
  
- (iii) Pengembangan dan pemodenan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang boleh meningkatkan keupayaan dan kemudahan, menjadikannya lebih menarik kepada syarikat penerbangan untuk menawarkan penerbangan tambahan. Buat masa ini, hanya terdapat 16 ruang parkir pesawat (*aircraft bays*) dan dalam perancangan akan ditambah 12 yang baru menjadikan sejumlah 28. Kapasiti lapangan terbang akan dibesarkan ke 12 juta penumpang setahun dari segi pergerakan penumpang berbanding kapasiti 6.5 juta penumpang setahun buat masa ini.